

NO. SOALAN: 367

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI
OMAR [POKOK SENAI]**

TARIKH :

RUJUKAN : 10125

SOALAN :

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Senai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) jumlah penagih dadah pada tahun 2015 dan 2016 dan jika berlaku pertambahan, apakah langkah-langkah yang telah dibuat bagi mengatasi masalah itu; dan
- (b) jumlah berat dan nilai Ringgit Malaysia rampasan dadah setiap tahun dari tahun 2007 hingga 2017.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Mengikut Sistem Maklumat Dadah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), statistik penagih dadah yang dikesan bagi tahun 2015 adalah seramai 26,668 orang dan bagi tahun 2016 seramai 30,846 orang.

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) mengambil langkah-langkah yang lebih efisien untuk membanteras masalah penyalahgunaan dadah. AADK telah melaksanakan usaha memerangi dadah habis-habisan melalui Program Perangi Dadah Habis-Habisan (PDH) melibatkan aktiviti:

- i. ***Omnipresence***
- ii. **Ops Cegah**
- iii. **Ops Bersepadu / Sarang**
- iv. **Media**
- v. **Ikon Antidadah**
- vi. ***Community Empowerment***

b) Statistik rampasan dan nilai rampasan bagi tahun 2007 hingga Jun 2017 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Rampasan				Nilai Rampasan
	Berat (KG)	Biji*	Liter**	Pokok Ganja	
2007	5,724.57	528,948	37,284.07	13	RM 71.28 juta
2008	3,110.68	1,717,298	38,899.51	34	RM 260.87 juta
2009	7,066.00	2,760,673	17,904.15	60	RM 389.25 juta
2010	4,924.10	2,296,755	24,736.65	21	RM 270.78 juta
2011	5,321.61	535,786	93,741.42	5	RM 243.32 juta
2012	7,833.21	7,186,558	40,512.36	5	RM 381.09 juta
2013	11,324.13	1,124,771	42,717.69	6	RM 402.73 juta
2014	17,680.44	2,197,955	47,056.15	72	RM 238.54 juta
2015	33,460.56	2,971,548	74,137.11	52	RM 238.87 juta
2016	50,124.06	2,998,688	280,558.23	25	RM 188.97 juta
2017 (Jan-Jun)	35,511.01	3,550,142	24,341.90	70	RM 112.67 juta

Sumber: Polis DiRaja Malaysia

*Biji – Dadah dalam bentuk pil. Contoh: Eramin 5, Ecstacy, YaBa, Nospan dsb.

**Liter – Dadah dalam bentuk cecair. Contoh: Kokain, Kodein, Syabu cecair dsb.

RT23/368

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
DARIPADA [POKOK SENA]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Haji Mahfuz Bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) Statistik terkini kegiatan buli di sekolah bagi tahun 2015 dan 2016 dan apakah tindakan yang telah dibuat; dan
- (b) Apakah langkah drastik Kementerian Pendidikan untuk memastikan masalah buli ditangani, Adakah Kerajaan bercadang diwujudkan akta khas untuk memerangi buli.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin menegaskan bahawa kes buli yang berlaku di sekolah secara relatifnya sangat kecil dan masih dalam keadaan terkawal. Mengikut rekod, kes buli bagi sekolah rendah bagi tahun 2015 dan 2016 adalah sebanyak 0.02 peratus daripada keseluruhan enrolmen murid. Kes buli bagi sekolah menengah pula adalah sebanyak 0.04 peratus bagi tahun 2015.

Manakala bagi tahun 2016 jumlah kes buli yang dilaporkan adalah sebanyak 0.05 peratus.

- b) Setiap kes buli yang berlaku di sekolah telah diambil tindakan sewajarnya, sama ada peringkat sekolah mahu pun pihak mahkamah melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM). KPM berusaha menangani buli termasuk buli siber melalui mekanisme pencegahan, penguatkuasaan peraturan sekolah, intervensi kepada mangsa dan kerjasama padu dengan semua pihak yang berkepentingan serta bersedia membantu agensi berkaitan memantapkan perundangan berkaitan kes juvenil di luar sekolah.

RT23/368

PERTANYAAN NO: 369

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN N SURENDRAN A/L K NAGARAJAN
[PADANG SERAI]**

RUJUKAN : 10126

PERTANYAAN :

Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah banduan yang telah dijangkiti dengan penyakit Tuberculosis (TB) menurut kategori setiap penjara di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Rekod Jabatan Penjara hingga Mei 2017 menunjukkan seramai 353 banduan telah menjalani rawatan akibat penyakit Tuberculosis. Ia adalah hasil saringan dan pemeriksaan kesihatan terhadap semua penghuni semasa kemasukan mereka ke penjara serta ujian pengesahan yang dijalankan di hospital.